

Jabatan Mufti Perak perkenal buku digital tadabbur surah al-Mulk

**Antara bentuk interaksi
terbaik ialah memahami
dan mentadabbur ayat suci
al-Quran secara mendalam**

Oleh SAIFULLAH AHMAD

IPOH - Jabatan Mufti Negeri Perak buat pertama kali memperkenalkan buku digital *Tadabbur Surah Al-Mulk: Kuasa Dunia dan Akhirat* sebagai inisiatif ilmiah menggalakkan umat Islam mendekati dan menghayati al-Quran sepanjang Ramadan.

Timbalan Mufti Negeri Perak, Zamri Hashim berkata, Ramadan merupakan bulan terbaik untuk umat Islam berinteraksi

dengan al-Quran sebagaimana firman ALLAH SWT bahawa Ramadan adalah bulan diturunkan al-Quran.

Menurutnya, antara bentuk interaksi terbaik ialah memahami dan mentadabbur ayat suci al-Quran secara mendalam.

"Alhamdulillah dengan izin ALLAH SWT, Jabatan Mufti Negeri Perak dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Perak berjaya mengusahakan dan menerbitkan e-book *Tadabbur Surah Al-Mulk: Kuasa Dunia dan Akhirat* yang merupakan satu inisiatif ilmiah bertujuan untuk mendekatkan masyarakat dengan penghayatan dan tadabbur al-Quran.

"Pada tahun ini, Jabatan Mufti Negeri Perak mencadangkan kepada semua masjid dan surau, orang perseorangan, jabatan kerajaan serta syarikat swasta untuk bersama-

Buku digital diperkenal buat pertama kali sebagai inisiatif ilmiah menggalakkan umat Islam mendekati dan menghayati al-Quran sepanjang Ramadan.

sama mentadabbur salah satu surah dalam al-Quran iaitu surah al-Mulk," katanya pada Selasa.

Zamri berkata, buku digital berkenaan menghimpunkan huraian lengkap setiap ayat dalam surah al-Mulk bermula ayat pertama hingga ayat ke-30, selari dengan tempoh 30 hari Ramadan.

Jelasnya, ia disusun secara berperingkat agar mudah difahami dan boleh diamalkan dalam kehidupan seharian.

"Keistimewaan tadabbur surah ini ialah ia dilengkapi dengan fiqh ayat, pengajaran

ayat serta perbincangan isu-isu semasa.

"Turut dimuatkan ialah aplikasi kehidupan dan hubung kait antara satu ayat dengan ayat lain," jelasnya.

Tambah beliau, orang ramai boleh mendapatkan buku digital *Tadabbur Surah Al-Mulk: Kuasa Dunia dan Akhirat* melalui portal serta Facebook rasmi Jabatan Mufti Negeri Perak.

Sebagai cadangan pelaksanaan, beliau menyarankan pembacaan dan tadabbur dilakukan satu ayat setiap hari sepanjang Ramadan.

